

ASSESSING THE THEORY OF FEMINISM AND THE LOGISTIC OF LGBT BELIEFS IN FICTION TEXTS

MENILAI TEORI FEMINISME DAN LOGISTIK FAHAMAN LGBT DALAM SESEBUAH TEKS KARYA

Mohd Saipuddin Suliman¹, Mimi Suriani Mat Daud², Tang Chew Peng³ & Lim Ying Xuan⁴

¹ (*Corresponding author*). Timbalan Dekan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Kolej Universiti Selatan. saipuddin@sc.edu.my

² Pensyarah, Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC). mimisuriani@unikl.edu.my

³ Profesor Madya, (Pemangku Pengarah) Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Selatan. cptang@sc.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Kolej Universiti Selatan. yxlim@sc.edu.my

Vol. 7. No. 1
April Issue
2020

Abstract

Feminism theory has long been rooted in Western countries. However, this feminism movement has been blatantly outnumbered lately around the Malay Archipelago based on LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender) beliefs. This study reveals in detail one of the beliefs in the LGBT group which is lesbian. There are four objectives in this study. Firstly, it aims to identify the logistical concepts of LGBT beliefs based on the theory of feminism. Secondly, to identify the impact of LGBT's literary texts toward readers. Next, this study is to investigate the view of the LGBT movement in Malaysia on the basis of the Buddhist perspectives, and lastly to propose a regulatory plan in order to address LGBT problems. The research methodology employed in this study were qualitative approaches, namely interviews with a academic experts related to religious, social sciences and humanities. In addition, close reading technique based on the texts that raised the feminism, femininity and femaleness elements were also used to obtain detailed and accurate information. The results of this study has been instrumental in providing awareness to the public concerning the persuasive movement of feminism in text writing that supports LGBT understanding. These elements should be taken seriously to ensure this understanding does not affect the readers' minds, especially the adolescents in relation to the psychosexual inversion of the LGBT novelists.

Keywords: *Feminism, Western, Archipelago, LGBT, Movement.*

Abstrak

Teori feminisme sudah sekian lama berakar umbi di negara Barat. Namun begitu, gerakan feminisme ini mula diperjuangkan secara terang-terangan sejak akhir-akhir ini di sekitar Wilayah Nusantara bersandarkan kepada fahaman LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender). Kajian ini merungkai secara rinci salah satu fahaman dalam kelompok LGBT iaitu lesbian. Terdapat empat objektif dalam kajian ini. Pertama mengenal pasti konsep logistik yang diguna pakai untuk memandu fahaman LGBT berlandaskan teori feminisme. Kedua, mengidentifikasi impak teks karya LGBT terhadap pembaca. Berikutnya mengkaji pandangan tentang gerakan

LGBT di negara Malaysia berdasarkan perspektif agama Buddha dan akhir sekali mencadangkan pelan pengawalan untuk mengatasi permasalahan LGBT. Metodologi penyelidikan bagi kajian ini terarah kepada pendekatan kualitatif iaitu temu bual bersama ahli akademik yang pakar dalam lapangan agama, sains sosial dan kemanusiaan. Pengaplikasian teknik bacaan rapi (close reading) berdasarkan teks-teks yang mengangkat unsur feminisme, feminity dan femaleness juga diguna pakai bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan tepat. Hasil kajian ini berperanan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kecacikan gerakan feminisme dalam penulisan teks yang mendukung fahaman LGBT. Perkara ini harus dipandang serius agar fahaman ini tidak mempengaruhi minda pembaca khususnya golongan remaja berhubung penyongsangan psikoseksual (psychosexual inversion) hasil ciptaan novelis LGBT.

Kata kunci: *Feminisme, Barat, Nusantara, LGBT, Gerakan.*

PENDAHULUAN

Teori feminisme merupakan salah sebuah teori yang amat popular di Barat. Feminisme disana merupakan medan perjuangan kaum wanita untuk mendapatkan status yang sama dengan lelaki dan menginginkan hak sama rata yang sekian lama telah diabaikan oleh sejarah.

Terdapat beberapa pendukung teori ini yang amat radikal sehingga menolak patriarki sepenuhnya dan bercita-cita mengubah secara praktikal sesuatu kebudayaan. Antaranya seperti Elaine Showalter yang mengutarakan tiga konsep asas teori ini iaitu *feminism* yang merujuk kepada ideologi, isu dan kedudukan wanita, *femaleness* yang merujuk kepada aspek fizikal atau biologi dan akhir sekali *feminity* yang diertikan sebagai tingkah laku atau praktikal yang berkait dengan kebudayaan.

Teori feminisme ini berjejak daripada perjuangan wanita untuk mendapatkan tempat yang sederajat dengan lelaki berdasarkan kepada pengalaman wanita. Mereka menganggap selama ini telah ditindas dan dianiaya oleh kekuasaan patriarkal (Maggie, H 1989).

Golongan feminisme sering menyatakan bahawa kaum wanita sudah terlalu lama dimanipulasi oleh kaum lelaki sejak ribuan tahun dahulu. Teori ini cuba membantah, membongkar dan menentang segala kezaliman patriarki dengan memperjuangkan hak, kedudukan, martabat dengan

memperkasakan ideologi kuasa feminis. Sistem penguasaan lelaki yang sering disebut the domination of men and the subordination of women harus dirobohkan (Chris, W. 1987).

Mendepani sejarah Eropah sekitar tahun 1960-an merupakan detik berlakunya goncangan budaya, sosial dan politik yang pantas dan wujud unsur kejutan atau kepincangan dalam kalangan masyarakat. Justeru, munculnya feminis dan pergerakan yang seangkatan dengannya seperti pergerakan kaum kulit hitam, pergerakan *hippies* dan lain-lain.

Jalur sejarah feminis dapat diinterpretasi dengan lebih jelas melalui mitos Yunani yang mengangkat Philomela sebagai perlambangan wanita yang tertindas. Kisah ini bermula apabila Philomela yang merupakan puteri seorang raja Athens dirogol oleh abang iparnya, Tereus.

Bagi menyembunyikan perbuatan keji ini terbongkar, Tereus dengan kejam dan tanpa belas telah memotong lidah Philomela dan menyembunyikannya di satu tempat yang jauh. Walau bagaimanapun, Philomela berjaya berkomunikasi dengan kakaknya Procne menerusi lukisan peristiwa rogol tersebut di atas sehelai kain secara jahitan.

Bertitik tolak daripada kejadian itu, Procne amat membenci Tereus dan sanggup membunuh zuriatnya sendiri iaitu anak lelakinya hasil perkongsian hidup dengan Pereus. Tindakan Procne

ini seolah-olah menjatuhkan hukuman ke atas Perseus.

Kronologi cerita mitos ini mempunyai jalinan persamaan dengan unsur feminisme pada masa kini iaitu berkenaan wanita yang kehilangan hak bersuara, mengalami keganasan dan penderitaan. Mitos ini telah memberi satu semangat luar biasa dalam usaha wanita sejagat mencari kembali suatu komuniti dan persaudaraan wanita selepas mengalami penindasan.

Menurut Terry, E. (1988) Philomela telah dipilih oleh feminis Barat sebagai salah satu antara mitos yang amat tinggi semangatnya dan seakan-akan memberi suatu suntikan kuasa kepada perjuangan mereka. Ironinya, feminisme menerusi stigma orang ramai di Barat secara umumnya dilihat sebagai pergerakan yang dikaitkan dengan tindakan membakar coli pada tahun 1960-an.

Jika dikaji, pergerakan feminisme ini mengangkat dua perkara iaitu mahu mengubah persepsi sendiri wanita, yakni setiap individu wanita adalah bebas untuk berkembang dan mencapai kewujudan sendiri walau apa sahaja persekitaran mereka. Kedua, mahu menukar institusi kebudayaan dan perspektif masyarakat yang membawa kepada persamaan antara jantina.

Sebenarnya pejuang feminis mempunyai dua pencirian. Pertama, melibatkan penyongsangan dalam hubungan jantina dan kedua, berkaitan dengan kesamarataan. Akhirnya, muncul golongan feminisme pada dekad ini secara radikal dan ketara dengan mendukung fahaman lesbianisme iaitu salah satu pecahan dalam fahaman LGBT.

Secara harfiah, lesbian tidak semestinya dilihat dalam sudut seksual semata-mata, tetapi persetujuan antara beberapa wanita untuk hidup bersama justeru mereka lebih memahami jiwa kewanitaan.

KAJIAN LEPAS

Penelitian secara holistik mendapati amat kurang kajian yang meneliti secara mendalam tentang teori feminisme yang

digabungkan bersama fahaman LGBT dalam sesebuah teks atau karya. Namun begitu, terdapat banyak kajian yang meneliti berkenaan golongan LGBT sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa berdasarkan skop yang tertentu seperti tahap penerimaan masyarakat, implikasi kesihatan, prospek kerjaya dan sebagainya. Umpamanya kajian bertajuk *Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT)* yang ditulis oleh Noor Hafizah Haridi et al. (2016).

Kajian ini memfokuskan tentang metodologi dakwah terhadap golongan LGBT di negara ini. Antara kaedah yang dicadangkan seperti dakwah bi al-ḥāl iaitu memperteguh diri dengan amalan, akhlak dan nilai yang baik. Seterusnya dakwah melalui hiburan, dakwah melalui pembinaan sosial dan dakwah melalui pembinaan sahsiah.

Kajian ini memberi manfaat yang besar khususnya kepada para pendakwah baharu dalam usaha menyebarkan fahaman Islam terutamanya kepada golongan LGBT.

Dapat disimpulkan di sini, seseorang pendakwah harus berfikiran positif dan menghindarkan sebarang prasangka atau stigma negatif terhadap golongan LGBT kerana sesuatu misi dakwah itu akan gagal sekiranya wujud jurang kemuliaan dalam benak cakerawala minda para pendakwah.

Berikutnya, terdapat kajian bertajuk *Faktor dan Cara Gaya Hidup serta Kemungkinan Kembali Pulih dalam Kalangan Lesbian: Satu Kajian Kes*. Kajian ini dimurnikan oleh Ahmad, M. I. et al. (2015).

Kajian ini menggariskan tiga faktor utama yang menyumbangkan kepada kewujudan masalah lesbian ini. Pertama kurangnya kasih sayang ahli keluarga akibat berlakunya penceraihan. Kedua, didikan agama yang cetek dan dangkal.

Maka, golongan ini tidak dapat membezakan halal dan haram secara jelas apabila nafsu mengaburi iman mereka. Ketiga, mempunyai pengalaman

hitam seperti penderaan seksual membuatkan golongan ini benci terhadap lelaki dan hanya menaruh kepercayaan terhadap kaum sejenis iaitu perempuan sahaja.

Kajian Ahmad M. I. ini mempunyai jalinan persamaan idea dengan kajian pengkaji iaitu meneliti salah satu golongan LGBT iaitu lesbian. Namun demikian, kajian beliau tidak meneliti kepada aspek feminisme dan hanya memfokuskan kepada responden yang mempunyai latar permasalahan keluarga, didikan agama serta sejarah hidup semata-mata.

Sementara itu, Gedro, J. et al. (2014) menerusi kajian beliau bertajuk "*Feminist Theory and Queer Theory: Implications for HRD Research and Practice*" mendapati dengan mengimplimentasi teori *feminist* dan teori *queer*, maka sesebuah syarikat dapat menjalankan operasi secara adil dan saksama tanpa sebarang prejudis sama ada dari segi penetapan gaji, pangkat serta pandangan yang dilontarkan.

Gedro berharap bahagian sumber manusia bagi setiap syarikat dapat memahami situasi ini dan mengambil usaha yang wajar agar golongan minoriti ini tidak tertindas lantas menjejaskan produktiviti hasil kerja mereka walaupun terdapat golongan LGBT ini yang sangat berbakat dan kreatif pada asalnya.

Kajian beliau ini memberat kepada pemikiran liberal Barat. Motif perjuangan beliau iaitu kesamarataan hak bagi setiap individu. Teori feminist yang diguna pakai mempunyai jalinan persamaan dengan kajian pengkaji namun objektif kajian Gedro ini sama sekali tidak berjejak kepada landasan agama yang seharusnya menjadi panduan sama ada dalam kehidupan, kepimpinan syarikat waima kepimpinan negara sekalipun.

Jelas di sini bahawa, belum ada kajian lain yang melihat kepada aspek

teori feminisme yang dijadikan sebagai medium logistik berdasarkan karya-karya kreatif yang akhirnya melorong kepada suntikan fahaman LGBT.

Dalam pada itu, kajian ini turut cuba merungkai sudut pandang dari sisi agama Buddha berhubung amalan LGBT ini menerusi kaedah kualitatif iaitu temu bual yang diterangkan pada bahagian metodologi penyelidikan secara lebih mendalam.


METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini terarah kepada pendekatan kualitatif iaitu temu bual bersama responden yang mempunyai kepakaran berkaitan dengan lapangan agama, sains sosial dan kemanusiaan. Menerusi kajian ini, seorang responden telah dipilih. Responden ini merupakan tenaga pengajar yang mempunyai latar pendidikan Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Agama Buddha.

Kerelevanan pemilihan responden ini berikutan pengkaji ingin melihat sejauh mana konsep LGBT ini diulas dalam ajaran atau kitab agama Buddha serta sejarah sekitar dinasti negara China berhubung isu-isu LGBT. Sekadar makluman, nama responden terpaksa dirahsiakan bagi menghormati permintaan responden.

Pengaplikasian teknik bacaan rapi (*close reading*) berdasarkan teks-teks yang mengangkat unsur *feminism*, *feminity* dan *femaleness* juga diguna pakai bagi mendapatkan maklumat serta bukti yang terkini serta sahih.

Berikut di bawah merupakan kerangka kajian yang menghubungkan teori feminisme, logistik fahaman LGBT, kesan manipulasi teks karya, sisi pandangan agama Buddha serta pelan pengawalan bagi mengatasi permasalahan polemik LGBT ini:



Jadual 1: Kerangka Kajian Berhubung Perkaitan Teori Feminisme, Logistik Fahaman LGBT, Impak Teks Karya, Pandangan Agama Buddha serta Pelan Pengawalan Permasalahan LGBT (Sumber: Oleh Pengarang).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dipecahkan kepada empat bahagian. Pertama mengenal pasti konsep logistik serta kaedah yang diguna pakai untuk memandu fahaman LGBT berlandaskan ideologi feminisme. Kedua, mengidentifikasi impak teks karya LGBT terhadap pembaca.

Ketiga, mengkaji pandangan tentang gerakan LGBT di negara Malaysia berdasarkan perspektif ajaran Buddha dan akhir sekali menyediakan pelan pengawalan yang perlu diperhalusi dalam usaha untuk memurnikan permasalahan yang semakin membarah dewasa ini.

Konsep Logistik Serta Kaedah Yang Diguna Pakai Untuk Memandu Fahaman LGBT Berlandaskan Ideologi Feminisme

Secara amnya, logistik bermaksud pengurusan aliran sumber bekalan. Namun begitu, dalam konteks kajian ini, makna logistik ditandai dengan maksud 'perancangan', 'pengelolaan' serta 'perlaksanaan' sesuatu agenda atau ideologi yang dirancang dengan teliti dan rapi bagi mencapai sesuatu sasaran mahupun nilai sama ada berbentuk material mahupun pemikiran.

Berdasarkan pandangan Rutner,

S. et al. (2000), "most logistics professionals and academics agree that logistics is an essential function within business. Furthermore, there has been a trend over the last few years to consider logistics as a process that creates value".

Didapati logistik yang diguna pakai oleh para pendukung LGBT ini berpandukan kepada karya novel serta puisi yang berlandaskan ideologi feminisme yang akhirnya melorongkan suatu kepercayaan, anutan serta stigma bahawa wanita sering ditindas, perlu persamaan taraf dengan lelaki dan lebih radikal apabila menolak kewujudan lelaki secara total.

Berbicara tentang logistik fahaman LGBT, pengkaji menganalisis beberapa buah teks karya yang berunsurkan LGBT. Ternyata penyuburan aspek feminisme bersulam fahaman lesbian diekspresikan secara terang-terangan oleh penulis.

Naratif jalan cerita disajikan secara erotik berserta ghairah agar dapat memikat hati pembaca dan mengikuti penulisan seterusnya. Idea ini merupakan serampang dua mata yakni menjual karya mereka dan pada masa yang sama menjadikan karya kreatif sebagai logistik penyebaran fahaman

LGBT.

Berdasarkan pengamatan pengkaji, didapati terdapat beberapa buku serta karya penulisan kreatif seperti novel dan puisi yang bermotifkan kisah LGBT dijual di pasaran secara meluas. Antaranya buku bertajuk *Bukan*

Pilihanku: Jeritan Hati Kaum LGBT yang menceritakan tentang luahan golongan-golongan LGBT dan pada yang sama meminta mereka diterima seperti mana negara-negara Barat lain.



Rajah 1: Buku Bukan Pilihanku: Jeritan Hati Kaum LGBT (Sumber: www.tokopedia.com).

Berikutnya novel bertajuk *Cinta Terlarang* yang memenangi anugerah buku terlaris. Terdapat ayat berbunyi 'untuk dewasa' pada kulit hadapan novel


yang mana merupakan strategi bagi menghalalkan babak cinta terlarang dalam novel ini.



Rajah 2: Novel Cinta Terlarang (Sumber: www.jualnovelkomik.blogspot.com).

Seterusnya kumpulan puisi "*Cinta itu Tidak Dosa*" iaitu himpunan karya


penulis yang mengekspresikan kisah cinta terlarang mereka.



Rajah 3: Kumpulan Puisi Cinta itu Tidak Dosa (Sumber: www.bloghayalanku.blogspot.com).

Sementara itu, terdapat juga novel yang menggunakan halaman depan yang berimejkan 18sx bagi tujuan menarik perhatian pembeli. Perkara sebegini sebenarnya merupakan budaya tidak sihat namun pendekatan ini merupakan kaedah logistik golongan


LGBT ini bagi memandu fahaman feminisme mereka. Apa yang amat mengejutkan, modus operandi sebegini berjaya menarik minat ribuan pembaca khususnya dalam versi e-book.



Rajah 4: Novel Dua Sisi Bintang (Sumber: <https://gerhanacoklat.wordpress.com/>).

Berikutnya, dalam usaha menyebarkan fahaman LGBT ini, terdapat juga novel yang memberikan

hadiah secara percuma seperti cakera padat lagu yang mengisahkan tentang cinta dua orang lesbian.



Rajah 5: Novel Ashmora Paria (Sumber: www.suarakita.org).

Kesemua strategi ini disusun begitu rapi dan sistematik. Sekiranya perkara ini tidak dibendung, dikhuatiri anasir LGBT ini akan menakluki minda masyarakat khususnya golongan remaja lantas menghakis budaya ketimuran kita yang beretika dan mempunyai tatasusila dalam perhubungan berdasarkan syariat agama.

Impak Teks Karya LGBT Terhadap Pembaca

Berbicara tentang impak, semestinya kesan yang terhasil meninggalkan pengaruh yang tidak sihat terhadap pembaca khususnya para remaja. Antaranya seperti ketagihan membaca novel-novel berunsur erotik ini. Senario ini sama seperti najis dadah yang meninggalkan kesan yang besar dalam kehidupan si penagih.

Berikutnya, fahaman liberal akan menjadi kiblat kepada golongan yang mentah terutamanya mereka yang naif tentang hukum-hakam agama. Terdapat beberapa kes di mana golongan lesbian ini menolak kewujudan lelaki secara total.

Hakikatnya, penolakan lelaki oleh golongan lesbian ini terang-terangan menolak hukum alam. Golongan yang menafikan kitaran alamiah ini sebenarnya saling memerlukan antara satu sama lain kerana setiap ciptaan Illahi waima sekecil zarah sekalipun mempunyai peranan yang tertentu dalam

melengkapi eko-sistem keseimbangan alam.

Norsaleha Mohd Salleh et al. (2015) mengutarakan pandangan bahawa wanita dan lelaki diciptakan Allah SWT dengan fungsi dan tanggungjawab yang berbeza. Perbezaan fungsi dan tanggungjawab ini dapat dilihat dari sudut kejadian fizikal dan psikologi antara mereka.

Perbezaan ini membawa kepada perbezaan dalam menentukan hak dan tanggungjawab antara lelaki dan wanita. Setiap mereka hendaklah melaksanakan hak-hak dan tanggungjawab yang telah difitrahkan ke atas mereka.

Pendukung fahaman LGBT yang berkiblatkan hak asasi manusia ini sebenarnya tidak berjejak kepada jalan yang benar serta hakiki. Mereka terperangkap dalam lorongan nafsu serta konflik identiti yang dijadikan sebagai alasan untuk berhubung sesama jenis serta mengesampingkan ajaran agama yang syumul dan sarwajagat.

Syumul dan sarwajagat di sini bermaksud menyeluruh dan mencakupi segenap aspek universal termasuklah adab berpasangan, perhubungan antara jantina serta berkasih sayang kerana Allah S.W.T.

Ahmad, M. I. et al. (2015) berpendapat punca utama yang mempengaruhi remaja dalam gejala lesbianisme ini melibatkan kurangnya perhatian daripada ahli keluarga dan

rakan-rakan serta mempunyai rakan sesama jantina yang lebih faham mengenai mereka. Kurangnya pengetahuan mengenai didikan agama juga dikatakan sebagai faktor mereka terdorong untuk memilih jalan hidup sebagai golongan LGBT.

Didapati, terdapat sesetengah karya yang merangka kemas ideologi yang disisipkan dalam naratif penceritaan. Berdasarkan kajian rapi terhadap beberapa karya-tersebut, sekurang-kurangnya terdapat 3 pencirian lesbian yang digambarkan dalam teks karya penganut LGBT ini. Pertama wanita yang berperwatakan wanita sejati 'feminity' namun bercinta sesama wanita 'femaleness'.

Kedua, wanita yang berperwatakan lelaki dan bercinta dengan wanita. Ketiga wanita yang berperwatakan lelaki bercinta dengan wanita yang turut berperwatakan lelaki. Bagi perwatakan kedua dan ketiga, golongan lesbian jenis ini mudah dibezakan menerusi perwatakan, tingkah laku serta gaya pemakaian mereka. Namun, golongan lesbian jenis pertama agak sukar untuk dikenal pasti berikutan pasangan tersebut mempunyai perwatakan seperti wanita sempurna lain.

Kesemua pencirian lesbian di atas bertopengkan ideologi feminisme, hak feminity serta suara femaleness yang mana merupakan acuan dalam teks karya yang amat besar impaknya. Tidak hairanlah jika terdapat pasangan remaja perempuan yang bergaya seperti lelaki dan mempunyai teman wanita di sisi.

Permasalahan ini berlaku akibat pengaruh persekitaran seperti mudah mencapai bahan bacaan bercorak erotik, ingin mencuba sesuatu yang baharu serta pengaruh budaya kuning menerusi tontonan video cakera padat yang tidak sepatutnya. Tidak hairanlah terdapat buku yang memberikan hadiah percuma cakera padat yang mempunyai himpunan

kisah LGBT. Akhirnya, pembaca menjadi seronok, teruja lantas mencuba jalan songsang ini.

Pandangan tentang Gerakan LGBT di Negara Malaysia Berdasarkan Perspektif Ajaran Buddha

Berdasarkan temu bual bersama seorang pakar dalam bidang perbandingan agama, beliau ada menyebut bahawa aspek LGBT ini jika dilihat menerusi kaca mata negara kita adalah seperti berikut: *"Negara Malaysia membanteras LGBT kerana Islam agama rasmi. Aspek moralisme jelas dalam ajaran Islam. Pada pandangan saya, jika difikirkan tentang aspek norma manusia, bagaimana seorang bayi dapat menerima yang ayah dan ibunya merupakan wanita. Siapakah ayahnya? Bayi ini akan menjadi keliru dan tertekan apabila remaja kelak. Sebenarnya bayi ini dilahirkan menerusi persenyawaan sperma pinjaman bagi menyambung zuriat semata-mata".*

Jelas di sini bahawa, pengaruh LGBT ini memberi kesan jangka panjang yang dahsyat dan semua pihak harus membuka mata dan mula memikirkan pendekatan atau tindakan yang proaktif bagi mengawal penularan fahaman LGBT ini.

Jika kita memandang enteng permasalahan ini, maka impaknya akan ditanggung oleh generasi akan datang yang keliru dengan susur galur keluarga, berdepan dengan masalah pewarisan harta dan lebih menyedihkan amalan ini berkemungkinan akan diwarisi oleh generasi seterusnya.

Sementara itu, penularan wabak HIV juga merupakan salah satu permasalahan yang akan timbul jika perkara ini tidak dibanters secara serius. Berikut merupakan statistik penghidap HIV pada tahun 2005-2016:



Jadual 2: Perbandingan Jangkitan Terbaharu HIV antara Penagih Dadah dan Jangkitan Melalui Hubungan Seks 2005-2016 (Sumber: <http://wafiq.my/2018/01/03/new-hiv-cases-are-predominantly-homosexuals/>).

Jika diselidiki, terdapat perkahwinan lesbian pertama di negara ini. Kedua-dua pasangan tersebut merupakan kaum Cina yang menetap di negara Malaysia. Namun perkahwinan tersebut adalah secara tidak sah di sisi undang-undang. Semestinya golongan ini akan berusaha untuk memperjuangkan fahaman LGBT ini agar diterima oleh masyarakat umum bermoddakan hak asasi manusia.

Hakikatnya, menurut responden yang ditemu bual:

“Masyarakat negara China sendiri sama sekali tidak menerima amalan LGBT ini di negara mereka. Terdapat satu kes di negara China iaitu satu pasangan gay (A+B) dan satu pasangan Lesbian (C+D) berkahwin sesama mereka bagi mendapatkan sijil perkahwinan. Jadi A berkahwin dengan C dan B berkahwin dengan D. Setelah mendapat sijil tersebut, mereka bertukar kembali dengan pasangan Gay dan Lesbian masing-masing”.

Ironinya, manusia akan membuat apa sahaja bagi memuaskan nafsu masing-masing walhal setiap agama sudah menyentuh tentang perkara ini. Oleh itu, senario yang terjadi tidak lagi boleh dikaitkan dengan latar belakang

agama tetapi kemahuan diri sendiri.

Jika diteliti dalam agama Buddha, responden ada mengulas tentang konsep LGBT seperti berikut:

“Dalam kitab ajaran Buddha tiada disentuh secara terus berkenaan LGBT. Namun terdapat bahagian yang menerangkan tentang seks. Dalam ‘precept’ ketiga, ada menyebut bahawa manusia harus elak tingkah laku seks yang tidak patut. Hanya yang sah suami isteri dikira sebagai normal. Dalam kitab Theravada, ada menyentuh tentang nafsu merupakan cabaran utama manusia dalam mencapai kesedaran serta pencerahan ‘enlightenment’.”

Menerusi wawancara Gunawan Saleh et al. (2017) bersama seorang tokoh agama Buddha di Indonesia ada menegaskan bahawa:

“Ya LGBT itu perbuatan penyimpangan seksual, dan itu menjadi tugas kita untuk membina mereka bukan menghukum mereka. Sering kita lakukan itu, mereka mencari satu gagasan dalam mengatasi permasalahan ini. Tapi kalau dalam pola pandang kita, jijik aku melihatnya. Jadi kalau ini menjadi sebuah penyimpangan maka kita harus meluruskannya.”

Maka di sini, dapat disimpulkan

bahawa semua agama sudah menunjukkan jalan yang sepatutnya diikuti. Malangnya, manusia sering mengubah hukum alam dan akhirnya membinasakan institusi kekeluargaan. Apabila menelusuri sejarah lampau, responden ada mengulas berhubung amalan LGBT dalam dinasti di negara China seperti berikut:

“Bercakap tentang Dinasti, secara jelasnya LGBT adalah dilarang. Aspek moraliti ditekankan dalam ajaran Konfusianisme umpamanya. Namun begitu, seperti yang kita ketahui

Maharaja pada zaman dahulu kala mempunyai ramai gundik. Dipercayai ada yang mencecah sehingga 3000 orang. Justeru, terdapat gundik yang langsung tidak disentuh oleh Maharaja. Maka terdapat dalam kalangan mereka yang memuaskan nafsu sesama mereka atau dalam erti kata lain lesbian. Perkara ini kurang dibahaskan kerana dianggap ‘taboo’ dan tidak diterima umum. Namun begitu, kajian lanjut boleh dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam”.

China during the Shang, Zhou, Han and Ming dynasties



The Shang dynasty, believed to be China's earliest ruling dynasty (1766 –1030 BC), has records of homosexuality. In Li Yinhe's book 'History of Chinese Homosexuality', she states that during the Han dynasty (206 BC – 220 AD) almost all emperors were in same sex unions.

Rajah 6: Aktiviti LGBT dipercayai telah wujud seawal zaman Dinasti Shang di negara China (Sumber: www.dailycare.com.au).

Pelan Pengawalan Yang Perlu Diperhalusi Dalam Usaha Untuk Memurnikan Permasalahan LGBT

Terdapat puluhan malah ratusan idea serta cadangan bagi membanteras aktiviti LGBT ini. Namun, sejauh mana pelan tersebut berjaya atau hanya berfungsi separuh jalan. JAKIM sebagai badan yang memantau hal ehwal agama di negara ini dengan dibantu oleh Jabatan Agama Islam Negeri harus mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan undang-undang di negara ini.

Sewajarnya JAKIM tidak diletakkan di bawah mana-mana

kementerian tetapi berdiri sendiri di bawah badan perundangan yang dinaungi oleh YDPA serta Majlis Raja-Raja.

Sementara itu, dalam usaha membanteras logistik fahaman LGBT ini, kesemua akses sama ada e-book, laman sesawang serta bahan bercetak harus disekat secara ketat. Rampasan perlu dibuat bagi buku-buku berunsur fahaman LGBT yang dijual secara terbuka.

JAKIM dan SKMM perlu bekerjasama dalam memantau aktiviti LGBT di negara ini. Amat aneh apabila

terdapat Iftar Gay yang menjadi viral dan dianjurkan dalam bulan yang mulia. Jadi apakah tindakan JAKIM untuk kes ini atau sekadar memberi nasihat agar mereka berubah.

Dalam usaha memerangi atau dalam erti kata lain iaitu membanteras sesuatu permasalahan, ada baiknya kita mengikut teknik yang dianjurkan oleh Rasulullah s.w.t. Pokoknya, keadilan merupakan tonggak utama taktik peperangan Rasulullah s.w.t.

Secara terminologi, adil

berdasarkan sudut pandangan Islam iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya. Persoalan di sini, adakah adil jika perempuan berhubungan kelamin dengan perempuan lain yang mana secara normalnya adalah untuk lelaki dengan perempuan yang telah sah bernikah.

Maka, golongan yang tidak meletakkan sesuatu pada tempatnya ini sebenarnya dianggap sebagai zalim dan wajar dihukum.



Rajah 7: Kronologi Pasangan Lesbian Dihukum Sebat (Sumber: <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/09/373772/lesbian-disebat-hari-ini>).

Akhir sekali, pemantauan di sekolah berasrama perlu dibuat secara agresif dan tegas. Hakikat yang tidak boleh kita abaikan adalah terdapat aktiviti gay dan lesbian berlaku di asrama-asrama di negara ini akibat daripada pengaruh bahan bacaan oleh penulis LGBT serta video yang berlegar sekitar sosial media.

Terdapat kes yang berlaku secara sukarela dan ada yang dipaksa dan akhirnya ketagih lalu menjadikan pelajar baharu sebagai mangsa penyongsangan seks mereka.

Berdasarkan kajian Ahmad, M. I. et al. (2015) didapati bahawa terdapat responden lesbianisme dalam kalangan remaja mengikuti pengajian di sekolah berasrama. Hasil kajian yang dijalankan turut mendapati pengamal lesbianisme

tinggal terpisah daripada keluarga mereka ketika sesi persekolahan berlangsung.



Rajah 8 : Media Sosial, Sekolah Asrama Punca Gejala LGBT Meluas (Sumber: <https://www.vitdaily.com/media-sosial-sekolah-asrama-punca-gejala-lgbt-meluas/>).

Perkara ini akan terus menerus berlaku jika tiada langkah agresif diambil. Sewajarnya bilangan warden perlu ditambah dan rondaan secara berkala harus dibuat bagi memantau aktiviti pelajar. Berdasarkan panduan Tatacara Lantikan Warden (2013), nisbah satu warden bersamaan 50 orang pelajar harus diteliti semula.

Sewajarnya 1:25 merupakan nisbah yang relevan pada masa kini kerana zaman yang serba moden ini mewujudkan kes salah laku atau jenayah yang diluar pemikiran norma manusia. Justeru, pemantuan yang lebih rapi wajar diambil kira dalam usaha membendung sebarang permasalahan dan dalam kes ini iaitu pengaruh LGBT.

PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan setiap dapatan kajian. Berhubung konsep logistik dan kaedah yang diguna pakai untuk menyebarkan fahaman LGBT, sudah tiba masanya kita sebagai umat Islam bersatu padu dalam membanteras sumber logistik fahaman LGBT ini. Sesungguhnya jika lumpuh sumber logistik mereka, maka sukar untuk mereka bergerak memandu agenda feminisme bersulam LGBT ini.

Antara usaha yang dapat dilakukan adalah mengaplikasi pendekatan 'reverse logistic'. Sebagai contoh, bagi yang mempunyai bakat menulis atau mempunyai pengikut yang

ramai dalam blog serta laman sesawang, barangkali boleh menulis berkenaan kisah LGBT dalam bentuk cerpen 'cerita pendek' yang menarik. Kemudian selitkan unsur nasihat dan akhiri kisah tersebut dengan balasan yang dahsyat akibat perbuatan LGBT tersebut. Namun, kisah tersebut haruslah masih dalam batasan agama dan tidak melanggar etika ketimuran.

Berikutnya, berkenaan impak teks karya terhadap pembaca, sudah tibanya masanya kita mengkaji punca sumber bahan bacaan ini. Jika dijual secara terbuka, maka sudah tiba masanya negara ini mewujudkan satu enakmen undang-undang berkenaan pengharaman penjualan bahan bacaan berbentuk erotik. Jika peniaga melanggar undang-undang, maka bahan bacaan tersebut boleh dirampas serta dimusnahkan.

Pengkaji berpendapat pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) boleh bekerjasama dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi menjalankan pemantauan serta siasatan. Justeru itu, usaha pihak DBP untuk menyuburluaskan bahan bacaan yang berkualiti lebih mudah tercapai.

Jika kita mempunyai Lembaga Penapisan Filem untuk menapis filem-filem pelbagai genre, maka mengapa tidak DBP memainkan peranan yang sama bagi menapis buku-buku yang tertentu dalam usaha untuk memastikan tiada buku yang berfahaman seks

songsang dijual.

Pada sisi lain, mendepani kesan gerakan LGBT terhadap negara Malaysia berdasarkan perspektif ajaran Buddha, pengkaji mendapati ajaran agama Buddha juga menolak fahaman LGBT ini. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa perlunya diadakan seminar yang melibatkan tokoh setiap agama bagi memberikan penjelasan kepada rakyat negara ini. Pihak penganjur seminar ini boleh bekerjasama dengan badan penyiaran seperti RTM bagi menyiarkan seminar ini secara langsung kepada rakyat Malaysia.

Pendekatan ini barangkali akan membuka mata setiap penganut agama di negara ini kerana kita sedia maklum bahawa terdapat deretan ceramah yang menolak fahaman LGBT dan majoriti ceramah tersebut terdiri daripada penceramah beragama Islam sahaja. Maka bangsa lain yang menganuti agama selain Islam dikhuatiri kurang berminat untuk menonton siaran tersebut.

Akhir sekali, berdasarkan pelan pengawalan yang perlu diperhalusi dalam usaha untuk memurnikan permasalahan LGBT, pengkaji berpendapat campur tangan ketua agama iaitu Sultan serta Raja setiap negeri merupakan langkah terbaik bagi mengekang gejala LGBT ini. Baginda mempunyai kuasa penuh bagi setiap tanah jajahan masing-masing kecuali Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh YDPA. Maka sudah pasti penguatkuasaan akan menjadi lebih berdaulat jika arahan atau titah datangnya dari ketua agama itu sendiri.

PENUTUP

Diharap, beberapa pandangan kecil dalam kajian ini dapat dipertimbangkan dalam usaha mendaulkan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini. Besar harapan pengkaji agar pembanterasan terhadap aktiviti LGBT dapat dibuat secara besar-besaran agar destini anak Malaysia sama ada Melayu, Cina, India serta lain-lain dapat dipelihara dan hidup bersama berlandaskan norma dan hukum alam yang telah ditetapkan oleh

Maha Pencipta.

Pada sisi lain, teori feminisme hakikatnya terlalu berjejak kepada ideologi Barat. Maka, sudah tiba masanya para pengkaji dan pensyarah di negara ini mengapresiasi teori tempatan yang dicipta oleh cendekiawan negara kita. Adalah tidak salah sekiranya golongan wanita ingin menyatakan hak mereka namun setiap perkara ada batasnya.

Dalam konteks kajian ini, imejan karya kreatif wajar berjejak kepada ajaran agama dan tidak terlalu kebaratan seperti menceritakan kisah cinta terlarang sesama jenis dan sebagainya. Perkara ini hanya memberi kesan negatif terhadap para pembaca lebih-lebih lagi kepada pelajar yang menetap di asrama. Golongan ini sebenarnya masih mentah dan amat mudah terdorong kepada impak bahan bacaan mahupun media sosial.

RUJUKAN

- Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. 2015. *Faktor dan Cara Gaya Hidup serta Kemungkinan Kembali Pulih dalam Kalangan Lesbian: Satu Kajian Kes*. Journal of Social Sciences and Humanities, 10(1), 01-15.
- Eagleton, Terry. 1988. *Teori Kesusasteraan: Satu Pengenalan* (terj. Mohammad Haji Salleh), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Gunawan Saleh, Muhammad Arif. 2017. *Rekayasa Sosial Dalam Fenomena Save LGBT*. Jurnal Komunikasi Global 6(2), 148-163.
- Humm, Maggie. 1989. *The Dictionary of Feminist Theory*. London: Harvester Wheatsheaf.
- Julie Gedro, Robert C. Mizzi. 2014. *Feminist Theory and Queer Theory: Implications for HRD Research and Practice*. Advances in Developing Human Resources, 16(4), 445-456.
- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman, Rosni Wazir. 2016. *Metodologi Dakwah Terhadap*

- Golongan Lesbian, Gay, Bisexual Dan Transgender (LGBT)*. Jurnal Pengajian Islam, 9(2), 103-119.
- Norsaleha Mohd Salleh, Zakiah Abd. Rahman dan Suriani Sudi. 2015. *Wanita dan Cabaran Globalisasi*. Putrajaya: Konwanis Consultancy.
- Responden. Pusat Pengajian Umum, Kolej Universiti Selatan (KUS). 19 June 2019.
- Stephen, M. Rutner, C. John Langley, Jr, 2000. *Logistics Value: Definition, Process and Measurement*. The International Journal of Logistics Management, 11 (2), 73-82.
- Tatacara Lantikan Warden. <https://www.scribd.com/doc/158106379/Tatacara-Lantikan-Warden-2013-Lampiran-A> (diakses pada 10 Jun 2019).
- Weedon, Chris 1987. *Feminist Practice and Poststructuralist Theory*. London: Blackwell.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.